

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

15 SEPT 2016

KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	REBUS PISANG KELAT GANTI NASI	2
BERITA HARIAN	CUEPACS MINTA 50,000 DIKECUALI AWAS	3



# HARIAN METRO

48 johor

15-09-2016



HARIAN METRO

## Rebus pisang kelat ganti nasi

Wanita empat anak ditinggalkan suami buang ekor taueh cari nafkah besarkan zariat



Norazmah Harudin  
amg@metro.com.my

Pasir Gudang

"Alhamdulillah, Allah mencukupkan rezeki saya meskipun memperoleh upah hanya RM70 hingga RM80 sebulan," kata isteri tunggal, Rabiah Ahwie, 57, yang berkecuali kisah hidupnya mengambil upah membuat ekor taueh daripada peniaga berbangsa Cina, sejak dua tahun lalu.

Rabiah yang juga ibu empat anak berkata, setiap hari dia menyelesaikan kerjanya antara tujuh hingga lapan kilogram taueh.

"ia menjadi rutin harian saya dan walaupun hasilnya tidak seberapa ia mencukupkan duit belanja saya sebulan.

"Ini kerana anak-anak juga menerima wang bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat

RABIAH  
kat (JKM) RM250 sebulan," katanya pada Program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) di Masjid An-Nur Taman Cendana Pasir Gudang, di sini, semalam.

Rabiah yang ditinggalkan suami ibarat digantung tidak bertali adalah antara 150 individu yang terpilih menerima Kotak Rezeki dalam program itu.

Mengenal Kotak Rezeki, Rabiah mengakui dirinya bersyukur dan memuji Harian Metro kerana prihatin terhadap nasib golongan sepertinya.

"Syukur kepada Allah. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Harian Metro memberikan mak cik Kotak Rezeki ini.

"Ringanlah beban mak cik bulan ini dan tidak perlu mengeluarkan duit membeli barang dapur untuk sebulan," katanya.



PENDUDUK sekitar kawasan yang hadir pada program TKHM.



PENDUDUK mengambil giliran terima Kotak Rezeki

Mengimbu kenangan lalu, Rabiah berkata, tak mudah membesarkan empat anaknya.

"Ketika anak mak cik kecil, mak cik pernah rebus pisang muda yang kelat dan dicicah gula untuk mengalag perut.

"Pisang kelat itu mengantikan nasi kerana mak cik tidak ada duit untuk membeli beras untuk ditanak," katanya.

Selain pisang muda yang diambil di kebun, wanita itu turut memetik sayur seperti pucuk ubi untuk dimakan bersama anaknya.

Menceritakan lanjut kisah hidup selepas diabaikan suami, Rabiah berkata, dia melakukan pelbagai pekerjaan demi mencari rezeki halal bagi membesarkan empat anaknya.

"Mak cik pernah melakukan bermacam pekerjaan seperti mengambil upah mencuci baju, menjadi pembantu rumah dan pengawal keselamatan.

"Syukur mak cik mampu

mengetahui apa terdidi. "Dia tidak berkata apa-apa, terus menghilangkan diri bergitu sah," katanya.

Memurutnya ketika suami meninggalkannya, dia tidak

## Pengalaman menikmati sup tulang, kari daging dalam talam

Pasir Gudang: Menikmati hidangan sup tulang dan kari daging dalam satu talam adalah pengalaman menarik dikongsi sempena Program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) di Masjid An-Nur Taman Cendana Pasir Gudang, di sini, kelmarin.

Program penyembelihan 25 lembu itu simbolik kepada penubuhan 25 tahun Harian Metro membolehkan sukarelawan dan penduduk setempat berkecuali keberkatan daging korban dengan makan beramai-ramai menggunakan talam.

Senario itu mungkin ja-

rang dilihat pada malis lain, namun tidak dapat digambarkan dengan kata-kata bagi mereka yang merasai hidangan itu, kelmarin.

Pengunjung yang mahu dikenali sebagai Aman, 31, berkata, program ini diadakan di perkarangan masjid itu diumpamakan kenduri yang penuh kemegahan.

"Saya datang sebagai sukarelawan dan membantu urusan penyembelihan lembu korban serta ini pengalaman menyenangkan kerana ia ibarat kenduri terbaik.

"Semua bersemangat sejak awal pagi menyempurnakan ibadah korban, kami



PENDUDUK mengambil talam makanan yang disediakan.

taling tolong-melolong dari awal hingga lah jermanan dilakukan selepas solat Zuhur," katanya.

Pada masa sama, katanya, dia berharap akhbar ini sudi kembali lagi melaksakan pelbagai program seperti itu.

"Ini kerana kebanyakan penduduk di sini terdiri dalam kalangan mereka yang kurang berkemampuan dan dengan adanya program seperti ini, ia memberikan mereka sedikit kebahagiaan," katanya.

Pemantni Ketua Tukang Masak Masjid An Nur Taman Cendana Mukti Abu Bakar,

53, berkata, beliau memantni keruannya, Mohd Iqri Mohamed Derapar, 48, menyela tigasannya untuk diagih-agihkan kepada 20 sukarelawan lain untuk menyiapkan juadah jermanan.

"Kami mula menyediakan persiapan bermula hari raya pertama dan tugas kami menyediakan juadah kari daging, sup tulang sekin nasi putih kepada lebih 2,000 tetamu yang hadir.

"Walaupun penat, kami seronok kerana ini program korban terbesar pernah diadakan di Masjid An Nur Fesit Gudang membalatkan 25 lembu korban," katanya.



# BERITA HARIAN

BH Khamis, 15 September 2016

Ms.19

## → DASAR & PENTADBIRAN

SISTEM KESELAMATAN KESEDARAN AUTOMATIK

### CUEPACS minta 50,000 dikecuali AWAS

➔ Pengecualian wajar diberi kepada pemandu sektor awam

Oleh Magendran Rajagopal  
magendran@bh.com.my  
Putrajaya

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mengesyorkan pemandu yang berkhidmat di sektor awam dikecualikan daripada tindakan mengikut Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AWAS).

Pindaan undang-undang berkaitan AWAS iaitu gabungan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) dan Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) itu diluluskan Mei lalu dan kini menunggu keputusan Kabinet untuk dilaksanakan.

Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda, berkata pengecualian wajar diberi kepada 50,000 pemandu sektor awam di seluruh negara, yang kini berkhidmat dengan 700 Kementerian dan agensi kerajaan.

"Kebanyakan pemandu bekerja dalam pasukan polis, hospital, bomba dan penyelamat selain menjadi pemandu peribadi pega-



[FOTO MOHD PADLI HAMZAH/BH]

Nadzri (kanan) bersalam dengan Azih sambil diperhatikan oleh pegawai tertinggi CUEPACS pada majlis kunjungan hormat di Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan, Putrajaya, semalam.

wai kerajaan, yang kadangkala terpaksa melanggar undang-undang kerana tuntutan tugas.

Tak adil gantung lesen

"Justeru, adalah tidak adil untuk menghukum dan menggantung lesen mereka," katanya selepas perjumpaan hampir sejam dengan Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Nadzri Siron, di sini, semalam.

Ditanya reaksi Nadzri terhadap syor berkenaan, Azih berkata, beliau mengambil maklum mengenai dan menjelaskan perincian lanjut perlu dilakukan kerana pelaksanaan kedua-dua skim itu masih baharu di negara ini.

Azih menegaskan, CUEPACS ti-

#### Info

#### Sistem AES, KEJARA

→ 2012 Fasa pertama pemasangan kamera AES di 14 laluan berbahaya.

→ 1984 KEJARA diperkenalkan.

dad membantah pelaksanaan AWAS tetapi hanya memohon kepada kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kepada kakitangan kerajaan tertentu.

Sebelum ini, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liew Tiong Lai, dipetik sebagai berkata, AES dari KEJARA akan digabungkan sebagai AWAS, yang mengeluarkan amaran kepada pemandu yang menumpul 20 mata demerit dalam tempoh setahun.

Mereka yang mendapat tambahan 20 lagi mata demerit dalam setahun (40 mata) akan digantung lesen selama setahun manakala pesalah yang mengumpul 60 mata demerit akan menyebabkan lesennya ditarik balik.

